
International Journal of Education, Psychology and Counseling
IJEPC
EISSN : 0128-164X
Volume 11 Issue 64 (September 2026) PP. 1404-1423



INTERNATIONAL JOURNAL OF EDUCATION, PSYCHOLOGY AND COUNSELLING (IJEPC)
https://gaexcellence.com/ijepc

ANALISIS SUARA GURU DAN MURID DALAM PELAKSANAAN PEMBELAJARAN: SATU TINJAUAN LESSON STUDY

ANALYSIS OF TEACHER AND STUDENT VOICES DURING LESSON IMPLEMENTATION: A REVIEW OF LESSON STUDY

Nurqarmila Khairuna Mohd Khairusy[1]*, Muhammad Syawal Amran[2]

[1]Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia
P138623@siswa.ukm.edu.my https://orcid.org/0009-0009-1263-3175
[2]Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia
syawal@ukm.edu.my https://orcid.org/0000-0001-6308-8757
*Corresponding Author

Article Info:

Article history:
Received date: 14.07.2026
Revised date: 04.08.2026
Accepted date: 30.08.2026
Published date: 23.09.2026

To cite this document:

Khairusy, N. K. M., & Amran, M. S. (2026). Analisis Suara Guru Dan Murid Dalam Pelaksanaan Pembelajaran: Satu Tinjauan Lesson Study. *International Journal of Education, Psychology and Counselling, 11*(64), 1404-1423.

Abstrak:

Kajian ini bertujuan untuk meneroka pelaksanaan Lesson Study dalam meningkatkan perkembangan pengajaran guru di bilik darjah dengan menganalisis suara guru dan murid dalam pelaksanaan pembelajaran. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah pemerhatian. Seramai empat orang guru Tahun 1 hingga Tahun 4 di sebuah sekolah rendah dipilih sebagai peserta kajian menggunakan teknik persampelan bertujuan. Data pemerhatian dianalisis berdasarkan suara guru dan murid dalam pelaksanaan pembelajaran di dalam bilik darjah. Dapatan kajian mendapati sebanyak 55% selama 30 minit pengajaran manakala hanya 45% suara murid yang digunakan di dalam bilik darjah semasa bersama guru yang mengajar. Suara guru itu penting dalam memahami sesuatu pengajaran itu kerana dapat melaksanakan pengajarannya mengikut rancangan pengajaran harian (RPH) dengan baik dan membantu penyelidik melihat dari pelaksanaan lesson study yang menyokong penambahbaikan strategi pegajaran. Selain itu, suara murid juga dapat membantu guru dalam mengetahui keberkesanan pembelajaran itu sama ada pengajaran tersebut berkesan atau tidak. Kedua-dua suara berperanan dalam memberikan gambaran menyeluruh tentang pembelajaran, proses pengajaran dan membantu menilai keberkesanan amalan pengajaran serta menyokong penambahbaikan. Namun penglibatan murid dalam bilik darjah berada di tahap sederhana, dengan hanya sebahagian murid sahaja yang menunjukkan penglibatan

International Journal of Education, Psychology and Counseling
IJEPC
EISSN : 0128-164X
Volume 11 Issue 64 (September 2026) PP. 1404-1423

aktif dalam aktiviti pembelajaran selebihnya murid kurang terlibat secara aktif dalam pembelajaran. Oleh itu, kajian ini mencadangkan bahawa Lesson Study berpotensi menjadi satu pendekatan pembangunan profesional yang berkesan dalam menyokong penambahbaikan amalan pengajaran guru dan keperluan penambahbaikan dalam strategi pedagogi yang lebih responsif.

DOI: 10.35631/IJEPC.1164076

Kata Kunci:

Interaksi Dalam Bilik Darjah**,** Lesson Study, Pembangunan Profesional Guru, Suara Guru, Suara Murid

Abstract:

This study aims to explore the implementation of Lesson Study in enhancing teachers' instructional development in the classroom by analysing teacher and student voices during the learning process. This study employed a qualitative approach using classroom observation as the data collection method. Four Year 1 to Year 4 teachers from a primary school were selected as study participants through purposive sampling. Observation data were analysed based on the patterns of teacher and student voices during classroom learning implementation. The findings revealed that teacher voice accounted for 55% of the 30-minute teaching session, while student voice accounted for 45% of classroom interactions. Teacher voice plays an important role in understanding the teaching process, as it reflects teachers' ability to implement lessons according to the Daily Lesson Plan (RPH) and enables researchers to examine how Lesson Study supports the improvement of instructional strategies. Meanwhile, student voice provides insights into the effectiveness of learning by allowing teachers to evaluate whether the teaching practices have successfully supported students' understanding. Both teacher and student voices contribute to a comprehensive understanding of classroom learning processes, supporting the evaluation of teaching effectiveness and the improvement of pedagogical practices. However, student participation in the classroom remained at a moderate level, as only some students demonstrated active engagement in learning activities, while others showed limited involvement. Therefore, this study suggests that Lesson Study has the potential to serve as an effective professional development approach in supporting the enhancement of teachers' instructional practices and promoting more responsive pedagogical strategies.

Keyword:

Classroom Interaction, Lesson Study, Student Voice, Teacher Professional Development, Teacher Voice.

© The authors (2026). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact ijepc@gaexcllence.com

International Journal of Education, Psychology and Counseling
IJEPC
EISSN : 0128-164X
Volume 11 Issue 64 (September 2026) PP. 1404-1423

Pengenalan

Penglibatan aktif murid dan guru merupakan dua perkara yang berkait rapat untuk mempertingkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Pembelajaran yang berkesan bukan sahaja bergantung pada isi kandungan pembelajaran, malah ianya juga melibatkan komunikasi secara dua hala antara guru dan murid, tahap tindak balas murid dan penyertaan murid sepanjang pembelajaran dijalankan (Siti Maziha Mustapha et al., 2010). Selain itu, guru juga perlu bijak dalam mempelbagaikan nada suara ketika menyampaikan mesej tertentu. Hal ini demikian kerana pelajar kurang menyenangi guru yang menggunakan nada suara yang rendah atau mendatar. Keadaan ini boleh menyebabkan guru tersebut dianggap sebagai membosankan, kurang prihatin serta tidak mesra (Georgakopouluos & Laura K. Guerro, 2010). Kebebasan suara yang diberi kepada murid dalam perkongsian pendapat juga dapat menarik minat mereka dalam memberi perhatian terhadap topik yang sedang dibincangkan oleh guru.

Sehubungan itu, suara guru dan murid juga memainkan peranan penting dalam kajian pendidikan sebagai petunjuk penting dalam menilai keberkesanan amalan pedagogi. Sebagaimana dinyatakan oleh Chong et al. (2017), pengajaran yang benar di institusi pendidikan memerlukan pendekatan sistematik dan sesuai untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran yang positif di bilik darjah. Selain itu, bimbingan guru haruslah konsisten, berterusan dan lebih terbuka dan melibatkan interaksi aktif dengan murid untuk memberi kesan yang baik. Murid mesti mempunyai maklumat dan pengetahuan yang mencukupi melalui aktiviti pembelajaran yang dirancang (Ainun et al., 2017). Di samping itu, suara guru yang jelas, penggunaan intonasi yang pelbagai, teknik penyoalan yang berkesan serta pemberian maklum balas yang membina amat penting dalam merangsang penglibatan murid di dalam kelas.

Proses pemerhatian memberi tumpuan kepada elemen komunikasi dalam pelaksanaan Lesson Study iaitu model pembangunan profesional guru yang berasal dari Jepun dan dikenali sebagai Jugyo Kenkyu, gabungan perkataan jugyo yang bermaksud pengajaran dan kenkyu yang bermaksud penyelidikan dan melibatkan proses kolaboratif dalam kalangan guru untuk merancang, melaksanakan, memerhati dan merefleksi pengajaran secara sistematik (Iksan, 2017). Analisis suara guru dan murid boleh menjadi asas refleksi profesional guru jika pendekatan pembelajaran (*Lesson Study*) digunakan. Proses ini bukan sahaja membantu mengenal pasti sudut baik buruk dalam pengajaran, tetapi guru juga dapat melakukan penambahbaikan yang lebih terancang untuk kitaran pengajaran yang seterusnya (Ahmad Affiq Mohd Yusoff et al., 2023). Kesesuaian nada dan kejelasan guru dalam menyampaikan isi pelajaran turut memainkan peranan penting dalam kawalan kelas.

Kesan yang diperolehi daripada guru yang memiliki kemahiran ini membolehkannya menjalankan tugasnya sebagai pendidik serta dapat menggalakkan interaksi secara dua hala antara guru dan murid atau sebaliknya murid dan guru semasa di dalam bilik darjah dan menjadikan suasana lebih menarik dan murid juga akan menunjukkan minat dan kesungguhannya semasa guru menyampaikan pembelajaran (Aziz Nordin & Siti Sumaziana, 2011). Oleh hal demikian, kaedah *Teacher talk* digunakan untuk menyampaikan dan berkongsi pengetahuan kepada murid. Secara umumnya, terdapat tiga perkara yang membimbing guru dalam menggunakan teacher talk, iaitu:

International Journal of Education, Psychology and Counseling
IJEPC
EISSN : 0128-164X
Volume 11 Issue 64 (September 2026) PP. 1404-1423

(a) Mengetahui pengetahuan yang sedia ada pada murid supaya guru dapat memilih perkataan yang sesuai dengan tahap pemahaman murid;
(b) Memberi tindak balas terhadap apa yang diperkatakan oleh murid, di mana maklum balas perlu disampaikan secara bermakna dalam perbincangan;
(c) Menerangkan pengalaman pembelajaran dalam kelas supaya kepentingan pendidikan daripada pengalaman tersebut dapat difahami oleh murid (Mercer, 1995).

Selain itu, maklum balas daripada perbincangan bersama dapat menggalakkan komunikasi antara guru dan murid di dalam bilik darjah. Kaedah perbincangan juga turut memainkan peranan dan berkongsi pengetahuan bersama murid kerana murid lebih selesa jika pertanyaan guru itu disampaikan dalam nada yang sesuai, tidak terlalu tinggi serta tidak terlalu rendah. Menganalisis suara antara guru dan murid dianggap sebagai komponen penting dalam usaha untuk meningkatkan kualiti pengajaran secara berkesan kerana pembelajaran secara dua hala itu dapat menyumbang kepada penambahbaikan kualiti pengajaran dan pengalaman pembelajaran murid (Subairi Onggoh, Han, C.G.K., & Mohammad Azri Ammatan, 2024). Hal ini dikatakan sedemikian kerana pendapat daripada guru dan murid dianggap sebagai komponen penting dalam menilai keberkesanan pengajaran di dalam bilik darjah.

Bagi merealisasikan perkara ini, guru boleh melaksanakan pelbagai pendekatan seperti menggunakan bahasa yang sesuai ketika berkomunikasi, memberikan maklum balas yang membina, peka terhadap pandangan murid, serta mengaplikasikan teknik penyoalan bagi merangsang penglibatan aktif. Selain itu, pengurusan bilik darjah juga perlu dilihat sebagai usaha dalam membina dan mengekalkan hubungan yang positif antara guru dan murid (Mercer & Dörnyei, 2020). Dalam pada itu, guru juga disarankan untuk menunjukkan sikap empati, keterbukaan serta kesediaan mendengar bagi mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih selamat dan menyokong penglibatan murid secara aktif. Hal ini secara tidak langsung dapat meningkatkan keyakinan murid untuk bersuara serta menyampaikan pandangan mereka dalam bilik darjah. Menurut Claus et al. (2012), hubungan yang kukuh dan positif antara guru dan murid akan mendorong kedua-dua pihak untuk saling memahami, membentuk pemahaman yang jelas, serta bekerjasama dalam mencapai matlamat pembelajaran yang ditetapkan. Selain itu, hubungan yang baik juga dapat mengurangkan kebimbangan murid untuk berinteraksi, seterusnya meningkatkan kualiti komunikasi dua hala dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Hal ini kerana, tidak semua murid itu mempunyai keyakinan diri yang sama.

Oleh itu, perbualan antara guru dan murid dalam bilik darjah bukan sekadar kaedah komunikasi tetapi juga komponen penting yang mempengaruhi keberkesanan pembelajaran secara keseluruhan. Interaksi lisan yang aktif dan seimbang antara guru dan pelajar boleh meningkatkan penglibatan murid, kefahaman, dan keinginan murid untuk belajar. Oleh hal demikian, kajian ini adalah penting untuk memahami sejauh mana pendekatan komunikasi dalam bilik darjah boleh membantu mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih produktif dan bermakna. Justeru, dapat disimpulkan bahawa kedua-dua suara itu penting dalam menilai keberkesanan pembelajaran di dalam kelas.

Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk :

(a) Menganalisis suara guru dan murid dalam pelaksanaan pembelajaran.
(b) Menganalisis jenis aktiviti berdasarkan jumlah masa guru.

International Journal of Education, Psychology and Counseling
IJEPC
EISSN : 0128-164X
Volume 11 Issue 64 (September 2026) PP. 1404-1423

Persoalan Kajian

(a) Bagaimanakah suara guru dan murid mempengaruhi penglibatan murid dalam sesi pembelajaran ?
(b) Bagaimanakah guru mengaktifkan aktiviti murid dalam pelaksanaan pembelajaran ?

Tinjauan Literature

Suara Guru Dan Murid Dalam Pelaksanaan Pembelajaran

Interaksi aktif antara guru dan murid adalah penting untuk menjadikan pembelajaran itu lebih berkesan kerana ia menyokong penglibatan murid dan keberkesanan kaedah pedagogi. Guru juga perlu memahami proses interaksi sosial kerana kanak-kanak dipengaruhi oleh persekitaran mereka. Di dalam teori ekologi, kanak-kanak hanya lapisan mikro yang terdedah kepada pelbagai faktor persekitaran dimana teori ini juga menegaskan bahawa pentingnya interaksi sosial antara individu (Bronfenbrenner, 1979). Interaksi sosial yang positif antara guru dan pelajar juga boleh meningkatkan hubungan dan meningkatkan kepercayaan murid terhadap guru. Selepas itu, keadaan ini dapat mendorong pelajar untuk lebih berani bercakap, bertanya soalan dan menjadi lebih aktif dalam pembelajaran. Oleh itu, bilik darjah yang aktif bukan sahaja memberi kesan kepada pencapaian akademik pelajar, tetapi ia juga membantu dalam pembangunan sahsiah dan keyakinan diri mereka.

Dalam konteks ini, suara hanya dilihat sebagai satu proses pengumpulan maklumat (Couldry, 2010). Namun begitu, konsep "suara" sebenarnya melangkaui definisi tersebut. Suara merujuk kepada hak penyertaan individu untuk menyatakan pandangan, memilih untuk tidak bersuara, memperoleh maklumat serta terlibat dalam proses membuat keputusan (United Nations, 2009). Daripada suara yang mereka sumbangkan, guru dapat menilai apa yang mereka tahu dan faham tentang pengajaran yang berlangsung. Manakala, ada juga di antara mereka yang memilih untuk diam dan menjawab jika di tanya serta ada juga mrid yang diam tetapi mereka tidak tahu dan tidak faham apa yang mereka belajar. Dari suara itu, dapat memberi kesan kepada guru untuk memilih cara yang berkesan dalam meningkatkan tindak balas murid semasa belajar di dalam kelas.

Bagi orang dewasa dan kanak-kanak, suara mencerminkan kedudukan partisipatif yang diberi kuasa, di mana hak untuk menyatakan pendapat dan idea seperti yang digariskan dalam Artikel 19 (United Nations General Assembly, 1966) dihormati dan disokong. Justeru, suara tidak hanya terbatas kepada proses mendapatkan pandangan, tetapi turut merangkumi usaha memastikan pandangan yang dikemukakan, khususnya daripada murid dan golongan muda, diambil kira dengan serius serta diberi tindakan sewajarnya (Lundy, 2007). Oleh itu, suara bukan sekadar satu proses, sebaliknya merupakan satu nilai yang menuntut komitmen untuk memastikan pandangan yang diutarakan benar-benar diberi makna (Couldry, 2010). Di samping itu, suara juga boleh dilihat sebagai satu elemen nilai dalam pendidikan yang menekankan kepentingan keterlibatan, penghargaan dan tindakan susulan terhadap pandangan yang diberikan.

Peningkatan potensi diri juga memerlukan sesorang yang mengutamakan proses interaksi sosial seperti guru dan murid. Ia juga memberi suatu makna yang timbul daripada interaksi yang menggabungkan pengetahuan dan pengalaman mereka (Jamaludin, N., & Shaffeei, K., 2023). Pertukaran pendapat dan memberi tindak balas dapat membina pengajaran dan

International Journal of Education, Psychology and Counseling
IJEPC
EISSN : 0128-164X
Volume 11 Issue 64 (September 2026) PP. 1404-1423

pembelajaran yang berkesan kerana setiap aktiviti di dalam kelas perlu komunikasi untuk mengukur tahap kefahaman murid tentang apa yang mereka fahami daripada hasil pembelajaran tersebut. Selain itu, perkara yang membezakan 'suara guru' atau 'suara pelajar' daripada sekadar mencerminkan pandangan peserta sebagai sumber data ialah penempatan mereka dalam kedudukan melibatkan penyertaan secara aktif yang diberi kuasa. Konsep ini menekankan bahawa suara murid bukan sekadar satu proses, tetapi memiliki nilai dan kuasa, menjadikan penglibatan mereka lebih daripada sekadar sebagai pemberi maklumat (informant) (Gillett-Swan, J., & Baroutsis, A., 2024).

Dari aspek pelajar, penyertaan aktif dalam memberi tindak balas dapat meningkatkan motivasi, penglibatan dan pengalaman pembelajaran mereka. Hal ini kerana, pendapat dan jawapan yang diberi oleh murid itu secara tidak langsung dapat membantu guru dalam membetulkan apa yang mereka kurang faham dan dapat menambahbaik cara mereka berfikir. Manakala guru pula, ia bukan sahaja sebagai penyampai maklumat malah mempengaruhi budaya pembelajaran yang baik serta strategi pengurusan bilik darjah yang teratur (Nordin Halias, Zawawi Ismail & Harun Baharudin, 2017). Contohnya, untuk menarik tumpuan murid sekolah rendah tidak mudah, kerana ada di antara mereka yang masih berada dalam dunianya sendiri dan memerlukan sokongan motivasi oleh guru. Oleh itu, guru perlu memainkan peranan selain daripada bersikap tegas, guru juga perlu menurunkan tahap ketegasan mengikut situasi yang sesuai dengan keadaan kelas dan murid.

Dalam kajian ini menunjukkan bahawa "suara murid" boleh membantu mereka untuk mencapai prestasi akademik yang baik. Sebuah kajian yang menggunakan data panel dari Chicago mendapati bahawa sekolah yang muridnya menunjukkan bahawa institusi itu mendengar suara mereka mempunyai corak kehadiran dan pencapaian akademik yang lebih baik di sana (Kahne et al., 2022). Sebuah kajian tambahan yang menggunakan data daripada seluruh daerah mendapati bahawa apabila murid berasa didengari oleh guru mereka, mereka melaporkan lebih banyak penglibatan afektif dalam kelas. Selain itu, didapati bahawa ukuran proksi suara murid ini mempunyai hubungan tidak langsung dengan penglibatan tingkah laku dan kognitif pelajar dalam kelas (Conner et al., 2022). Berikutan itu, aktifnya murid itu bergantung pada seorang guru yang mengajar sama ada mereka boleh 'give and take' atau tidak tentang pendapat seseorang murid itu. Jika pendapat yang diusulkan tidak tepat, guru berperanan dalam mengawal nada suara, emosi dan cara komunikasi yang sesuai untuk membetulkan semula kesalahan itu. Supaya, murid rasa seronok dan berani untuk memberi pendapat yang lain bergantung pada kefahaman mereka.

Di China, pengkaji telah menjalankan kajian kaedah peadogistudent voice for social justice (SVSJ). Tujuan SVSJ adalah sebagai pendekatan pedagogi berasaskan murid untuk memperluas bentuk pengetahuan yang dipelajari dalam bilik darjah melalui penggalakan suara murid, khususnya dalam konteks di mana wacana suara murid masih berada pada tahap awal dan sedang berkembang.

Walau bagaimanapun, SVSJ tidak dilihat sebagai satu-satunya kaedah yang mampu mencapai objektif pembelajaran secara berkesan. Sebaliknya, kajian ini bertujuan untuk meneliti peranan suara murid dalam konteks pedagogi berasaskan murid dengan menfokuskan kepada pelaksanaan SVSJ di China. Di samping itu, kajian ini turut mengenal pasti potensi serta cabaran dalam melaksanakan pendekatan pedagogi berasaskan murid dalam persekitaran bilik darjah yang secara tradisinya berorientasikan guru (Ying, J., Briffett-Aktaş, C.). Dengan cara

International Journal of Education, Psychology and Counseling
IJEPC
EISSN : 0128-164X
Volume 11 Issue 64 (September 2026) PP. 1404-1423

sedemikian, secara tidak langsung mereka akan rasa dihargai apabila diberi ruang untuk bersuara dan membuat keputusan, lebih banyak berfikir secara kendiri, menyelesaikan saya kendiri serta dapat menganalisis tentang pembelajaran yang mereka sedang pelajari. Selain itu, peningkatan komunikasi secara dua hala akan meningkat dalam perbincangan kefahaman murid dan guru. Pembelajaran yang mereka hadapi dapat menambah pengalaman mereka semasa belajar dengan perkongsian pendapat, menyelesaikan masalah dan bagaimana cara untuk berfikir secara kreatif dan kritis (Ruiguo Cui & Peter Teo, 2023).

Dalam kajian seterusnya menyatakan bahawa komunikasi aktif secara lisan hanya berkesan jika pengetahuan dan maklumat disampaikan dengan jelas, dapat diterima, dan difahami oleh pelajar. Menurut Mok (2000), dalam komunikasi lisan, guru perlu memastikan suaranya cukup kuat dan lantang, sebutan yang jelas, serta intonasi yang sesuai untuk menyokong kelancaran pengajaran dan pemahaman pelajar (Nor Shafrin Ahmad, Fadzilah Amzah dan Rahimi Che Aman, 2009). Jika pembelajaran yang disampaikan tidak mempunyai intonasi yang menarik, murid akan hilang tumpuan dan mengantuk semasa sesi pembelajaran. Oleh itu, guru perlu bercakap dengan lebih jelas dengan intonasi yang sesuai semasa menyampaikan pembelajaran di dalam kelas. Sementara itu, suara guru merupakan elemen penting kerana penggunaan suara yang jelas dapat memudahkan pelajar memahami isi pelajaran dengan lebih baik (Jia et al., 2020). Demikian itu, pemilihan nada yang sesuai dan penerangan yang teliti oleh guru adalah amat penting bagi memastikan penyampaian pelajaran berlaku secara berkesan dan berimpak tinggi.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif bagi menilai pelaksanaan Lesson Study dan kesannya terhadap perkembangan pengajaran guru serta menganalisis suara guru dan murid dalam pelaksanaan pembelajaran di dalam bilik darjah. Kajian dijalankan melalui pemerhatian langsung terhadap empat orang guru KAFA di Sekolah Kebangsaan Seremban 2B, yang dipilih secara rawak berdasarkan pengalaman dan tahap pengajaran mereka. Data dikumpul melalui nota lapangan dan refleksi pemerhatian, yang merangkumi perancangan pengajaran melalui Rancangan Pengajaran Harian (RPH), pelaksanaan aktiviti pembelajaran, penggunaan alat bantu mengajar dan pergerakan psikomotor, serta penglibatan murid di dalam kelas.

Data dianalisis secara mendalam bagi mengenal pasti kesan Lesson Study terhadap perkembangan pengajaran guru serta menganalisis suara guru dan murid dalam pelaksanaan pembelajaran di dalam bilik darjah, termasuk peningkatan kreativiti, keberkesanan strategi pengajaran, dan pengurusan bilik darjah. Kajian ini menunjukkan bahawa ke empat-empat guru tersebut telah menyampai cara pengajarannya dengan baik dan sama cara pelaksaan pembelajarannya. Daripada hasil pemerhatian yang di ambil, ke empat-empat guru tersebut mempunyai cara mengajar yang berbeza mengikut peringkat umur.

Dapatan Kajian

Bahagian ini menunjukkan analisis data daripada 4 orang responden yang dikaji iaitu guru KAFA (Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain) serta 93 orang murid yang terlibat dalam kajian analisis suara guru dan murid dalam pelaksanaan pembelajaran.

International Journal of Education, Psychology and Counseling
IJEPC
EISSN : 0128-164X
Volume 11 Issue 64 (September 2026) PP. 1404-1423

Demografi Responden

Jantina, Umur Dan Taraf Pendidikan Guru

Jadual 1: Menunjukkan Jantina, Umur Dan Taraf Pendidikan Responden


Bil.	Jantina	Umur	Pendidikan
Guru A	Perempuan	32 Tahun	Diploma
Guru B	Perempuan	35 Tahun	Diploma
Guru C	Perempuan	25 Tahun	Ijazah Sarjana Muda
Guru D	Perempuan	28 Tahun	Ijazah Sarjana Muda

.

Jadual 1 menunjukkan jantina dan umur responden. Keseluruhan jantina di dalam kajian ini adalah terdiri daripada guru perempuan. Peratus yang didapati di atas adalah seimbang iaitu sebanyak 25% untuk guru muda yang berumur 25-30 tahun dan 25% untuk guru yang lebih berpengalaman yang berumur 31-35 tahun. Taraf pendidikan guru adalah seimbang 50% untuk 2 orang guru yang berada di tahap diploma manakala 50% lagi untuk 2 orang guru yang berada di tahap ijazah sarjana muda.

Demografi Responden Murid

Jadual 2 : Menunjukkan Demografi Responden Murid.



Jadual 2 menunjukkan kategori jantina lelaki dan perempuan serta umur mengikut tahun 1 sehingga tahun 4. Tahun 1 berumur 7 tahun mempunyai bilangan 30 orang murid iaitu 16 orang lelaki, lebih ramai lelaki berbanding dengan murid perempuan seramai 14 orang. Seterusnya, tahun 2 berumur 8 tahun mempunyai jumlah bilangan seramai 28 orang murid iaitu terdiri daripada 15 orang murid lelaki dan 13 orang murid perempuan. Tahun 3 yang berumur 9 tahun pula mempunyai jumlah murid seramai 20 orang iaitu 9 orang murid lelaki manakala murid perempuan lebih ramai 11 orang. Jumlah untuk tahun 4 berumur 10 tahun lebih kurang bilangannya akibat ketidakhadiran murid pada masa kajian dijalankan dengan jumlah 15 orang iaitu 10 orang murid lelaki dan 5 orang sahaja murid perempuan yang hadir.

International Journal of Education, Psychology and Counseling
IJEPC
EISSN : 0128-164X
Volume 11 Issue 64 (September 2026) PP. 1404-1423

Masa Yang Digunakan Oleh Guru Dan Murid.

Jumlah Peratus Suara Guru

Jadual 3: Menunjukkan Jumlah Peratus Suara Guru Yang Telah Digunakan Semasa Pengajaran Berlangsung

Kategori Guru	Masa kelas	Waktu suara guru yang digunakan	Peratus
A	30 minit	17 minit 69 saat	53%
B	30 minit	16 minit 27 saat	54%
C	30 minit	19 minit 3 saat	59%
D	30 minit	17 minit 72 saat	53%
Jumlah keseluruhan			55%

Jadual 3 menunjukkan jumlah peratus suara guru yang telah digunakan semasa pengajaran sedang berlangsung. Data menunjukkan bahawa setiap guru menjalankan sesi pengajaran selama 30 minit. Hasil penggunaan suara guru berbeza mengikut kategori guru. Guru A menggunakan suara selama 17 minit 69 saat dengan peratusan 53%, manakala Guru B menggunakan suara selama 16 minit 27 saat dengan peratusan 54%. Di samping itu, Guru C mencatatkan penggunaan suara tertinggi dalam tempoh 19 minit dan 3 saat, dengan peratusan 59%. Pada masa yang sama, guru D menggunakan suara selama 17 minit dan 72 saat dengan peratusan 53%. Secara keseluruhan, 55% guru menggunakan suara dalam sesi pengajaran.

Jumlah Peratus Suara Murid

Jadual 4: Menunjukkan Peratus Suara Murid Semasa Pembelajaran Sedang Berlangsung.

Kategori Murid	Masa kelas	Waktu suara murid yang digunakan	Peratus
Tahun 1	30 minit	15 minit 28 saat	46%
Tahun 2	30 minit	14 minit 08 saat	46%
Tahun 3	30 minit	13 minit 15 saat	41%
Tahun 4	30 minit	15 minit 3 saat	45%
Jumlah keseluruhan			45%

Jadual 4 menunjukkan peratus suara murid yang digunakan semasa pembelajaran sedang berlangsung semasa di dalam kelas. Menurut data, setiap kelas murid berlangsung selama tiga puluh minit. Hasilnya menunjukkan bahawa penggunaan suara pelajar berbeza mengikut tahun. Murid tahun 1 menggunakan suara selama 15 minit 28 saat dengan peratusan sebanyak 46%. Murid tahun 2 menggunakan suara selama 14 minit 8 saat dengan peratusan sebanyak 46% juga. Selain itu, pelajar tahun 3 mencatatkan penggunaan suara paling rendah, yang berlangsung selama 13 minit 15 saat dan mempunyai peratusan 41% dan pelajar tahun 4

International Journal of Education, Psychology and Counseling
IJEPC
EISSN : 0128-164X
Volume 11 Issue 64 (September 2026) PP. 1404-1423

menggunakan suara selama 15 minit dan 3 saat dengan peratusan 45%. Secara keseluruhan, 45% pelajar menggunakan suara semasa kelas.

Jumlah Masa Yang Digunakan Oleh Guru.

Jadual 5 menunjukkan kajian yang dijalankan oleh guru A, B, C dan D dari segi memberi arahan, memberi soalan, luar topik dan pengajaran.

Jadual 5 : Menunjukkan Jumlah Masa Dan Min Masa Guru Yang Diambil Untuk Empat Kategori.

Kategori		Guru	Jumlah Masa	Jumlah keseluruhan	Min
Pengurusan disiplin		A	1 minit 15 saat	2.87	0.72
		B	1 minit 7 saat		
		C	55 saat		
		D	10 saat		
Jenis penyoalan	Aras tinggi	A	-	-	-
		B	-		
		C	-		
		D	-		
	Aras rendah	A	6 minit 10 saat	21.96	5.49
		B	4 minit 11 saat		
		C	6 minit 30 saat		
		D	5 minit 45 saat		
Penyampaian isi kandungan		A	10 minit 33 saat	42.37	10.59
		B	9 minit 52 saat		
		C	11 minit 45 saat		
		D	11 minit 7 saat		
Off Task Behaviour (Tingkah laku luar tugasan)		A	11 saat	3.78	0.95
		B	1 minit 57 saat		
		C	1 minit		
		D	1 minit 10 saat		

Jadual 5 menunjukkan jumlah masa dan min masa guru yang diambil untuk empat kategori iaitu pengurusan disiplin, bertanya soalan mengikut kategori aras tinggi dan rendah, pengajaran dan Off-Task Behaviour iaitu tingkah laku luar tugasan bagi guru yang terlibat. Jumlah keseluruhan bagi kategori pengurusan disiplin sebanyak 2.87 dengan nilai min sebanyak 0.72 iaitu empat orang guru mengikut aliran mempunyai pengurusan disiplin dalam kelas dengan memberi arahan contohnya:

Guru A: Duduk, jangan bberlari!sila kutip sampah yang ada berhampiran dengan tempat duduk awak dan sila simpan segala barang berbahaya seperti gunting di dalam bekas pensil'. Kalau awak tak kutip sampah, macam mana nak belajar dengan fokus kalau tempat sendiri penuh dengan macam-macam benda? Benda dah diingatkan setiap kali masuk kelas. Tapi masih lagi nak kene tunggu arahan baru nak buat.

International Journal of Education, Psychology and Counseling
IJEPC
EISSN : 0128-164X
Volume 11 Issue 64 (September 2026) PP. 1404-1423

Manakala, jumlah bagi kategori bertanya soalan kepada murid semasa pengajaran dijalankan di tahap sederhana sebanyak 21.96 dengan nilai min sebanyak 5.49. Tiada soalan aras tinggi diajukan kepada murid di setiap aliran dan guru lebih banyak menggunakan soalan aras rendah semasa pembelajaran dan sesi soal jawab seperti :

Guru A : Siapa yang cipta kita semua ?
Guru B : Apakah tanda kewujudan Allah ?
Guru C : Rukun wuduk ada berapa semua ?
Guru D : Okay, solat jumaat ni wajib ke kepada semua lelaki dan perempuan ?

Seterusnya, jumlah bagi kategori pengajaran dalam bilik darjah sebanyak 42.37 dengan nilai min sebanyak 10.59. Akhir sekali, perbincangan luar topik di dalam bilik darjah seperti melayan perbualan bersama murid sebanyak 3.78 dengan nilai min sebanyak 0.95.

Kesimpulannya, dalam ke empat-empat guru tersebut lebih menumpukan perhatian kepada pengajaran di dalam kelas mengikut kesesuaian cara pengajaran masing-masing selain daripada berbual luar topik bersama murid. Pembelajaran secara dua hala juga turut dijalankan semasa pengajaran bersama murid dengan memberikan beberapa soalan mengikut kesesuaian masa dan tajuk. Pembelajaran secara dua hala dijalankan menggunakan kaedah soal jawab atau secara permainan mengikut pada kaedah pengajaran guru tersebut.

Jumlah Masa Yang Digunakan Oleh Murid

Jadual 6 menunjukkan kajian yang dijalankan kepada wakil kelas murid tahun 1, tahun 2, tahun 3 dan tahun 4 dalam kategori penglibatan murid dalam pengajaran, luar topik dan bertanya soalan kepada guru yang mengajar.

Jadual 6 : Menunjukkan Jumlah Masa Keseluruhan Dan Min Yang Di Ambil Untuk Tiga Kategori.

Kategori	Murid	Jumlah masa	Jumlah keseluruhan	Min
Pengajaran	Tahun 1	12 minit 10 saat	42.44	10.61
	Tahun 2	10 minit 4 saat		
	Tahun 3	8 minit 30 saat		
	Tahun 4	12 minit		
Off-Task Behaviour. (Tingkah laku luar tugasan)	Tahun 1	3 minit 15 saat	13.43	3.36
	Tahun 2	3 minit 59 saat		
	Tahun 3	3 minit 59 saat		
	Tahun 4	3 minit 10 saat		
Soalan	Tahun 1	3 saat	1.94	0.49
	Tahun 2	45 saat		
	Tahun 3	1 minit 26 saat		

International Journal of Education, Psychology and Counseling
IJEPC
EISSN : 0128-164X
Volume 11 Issue 64 (September 2026) PP. 1404-1423

	Tahun 4	20 saat		

Jadual 6 menunjukkan jumlah masa keseluruhan dan nilai min yang di ambil untuk tiga kategori iaitu pengajaran, Off Task Behaviour iaitu tingkah laku luar tugasan dan bertanya soalan kepada guru ketika belajar di dalam kelas. Kategori pertama ialah penglibatan pelajar dalam pengajaran seperti membaca teks bersama guru, mengikut bacaan guru dan menyebut apa yang ditanya oleh guru berdasarkan apa yang di ajar dengan jumlah keseluruhan 42.56 dengan nilai min sebanyak 10.64. Manakala, kategori kedua ialah Off Task Behaviour iaitu tingkah laku luar tugasan melibatkan segelintir kelas murid lebih banyak berbual bersama rakan tanpa memberi tumpuan kepada pengajaran guru semasa dalam kelas, melontarkan kata-kata kasar dan menunjukkan emosi sesama rakan atau guru semasa di dalam kelas dengan jumlah keseluruhannya sebanyak 13.37 dengan nilai min 3.34. Contoh yang dapat diambil melalui kajian ini:

Tahun 1

Responden 1 : Responden 2, semalam aku keluar dengan ayah aku pastu nampak Responden 3.
Responden 2 : Yekee, lepastu kau senyum ke ?
Responder 1 : Haah, hahahaha. Dia jalan dengan ayah dia pergi Ninso hehe..

Tahun 2

Responden 1 : Responden 2, cuba tengok ni. *gambar yang dilukis di kertas
Responden 2 : Eyy, cantiknya. Kita gunting nak ? tampal dalam buku.
Responden 1 : Alaa, taknak lah. Nanti kene marah.
Responden 2 : Takpun, ustazah tak nampak.
Responden 1 : …… *Responden 1 beri kepada Responden 3 untuk diberi kepada Responden 2*

Tahun 3

Responden 1 : Weyyy, takyah lah ambik !
Responden 2 : Ustazah, Responden 3 ambil buku Responden 1!
Responden 3 : Diam lah bodoh ! pinjam je pun.
Responden 2 : Ustazah, Responden 3 mencarut !
Responden 1 : Bagi lah balik ! aduhai.
Responden 3 : ….
Responden 4 : Saya bosanlah…

Tahun 4

Responden 1 : Cuba kau tengok Responden 5 dengan Responden 2 buat benda lain.
Responden 2 : Sibuk lah kau ni.
Respond 3 : Ustazah, diorang buat benda lain.
Responden 4, Responden 6, Responden 1, Responden 7 : HAHAHAH padan muka !
Responden 5 : Kau pun sama je. Dari tadi lawan pemadam.
Responden 1 : Diam lah kau, pergi lah jawab soalan depan tu. Ustazah bagi jawab banyak kali.
Responden 6 dan Responden 7 : …….. *bermain baling pemadam sesama sendiri*


International Journal of Education, Psychology and Counseling
IJEPC
EISSN : 0128-164X
Volume 11 Issue 64 (September 2026) PP. 1404-1423

Akhir sekali, penglibatan murid dalam bertanya soalan kepada guru berada di tahap rendah dengan jumlah sebanyak 1.93 dan nilai min sebanyak 0.48. Hal ini kerana murid lebih fokuskan dengan hal sendiri dan menjawab soalan berdasarkan permainan yang dijalankan oleh guru subjek.

Keseluruhan daripada kajian yang dijalankan oleh murid, murid mendapati kurang aktif dalam melibatkan diri dengan bertanya soalan tentang apa yang mereka kurang faham kepada guru dan lebih aktif untuk melibatkan diri dalam pengajaran kerana mereka di bimbing untuk menyebut teks tersebut dalam bacaan jawi. Murid-murid juga menjadi mudah untuk menyebut perkataan jawi yang ada di dalam buku teks atau tayangan powerpoint. Manakala, luar topik berada di pertengahan sederhana di mana murid lebih suka berbual sesama rakan, kurang tumpuan semasa belajar dan membuat kerja lain jika tidak membawa buku atau tiada aktiviti di dalam kelas. Selain itu, mereka juga membuat hal masing-masing semasa guru sedang menerangkan tentang apa yang sedang di ajar di hadapan kelas. Daripada hasil pemerhatian keseluruhan kelas, murid yang berada di belakang dan tepi kurang memberi perhatian semasa guru mengajar.

Penglibatan Murid Mengikut Tahun

Penglibatan Murid Tahun 1




Rajah 1: Menujukkan Bilangan Penglibatan Murid Dalam Pembelajaran Tahun 1

Rajah 1 menunjukkan 10 orang murid yang terlibat dalam soal jawab di dalam kelas daripada 30 orang murid. Anak panah berganda yang ditujukan kepada murid bermaksud murid tersebut melibatkan diri dalam soal jawab bersama guru secara kerap. Manakala, anak panah tidak berganda menunjukkan murid hanya melibatkan diri bersama guru sekali sahaja. Dalam pemerhatian yang dijalankan, murid tahun 1 kurang penglibatan secara keseluruhan oleh kerana tiada keyakinan diri dalam menjawab soalan serta tiada tarikan aktiviti yang menarik perhatian mereka untuk bertindak aktif di dalam kelas bersama guru yang lebih berpengalaman.

International Journal of Education, Psychology and Counseling
IJEPC
EISSN : 0128-164X
Volume 11 Issue 64 (September 2026) PP. 1404-1423

Hanya seorang murid sahaja bertanya soalan kepada guru dan 10 daripadanya memilih untuk menjawab soalan daripada guru. Sementara itu, murid lain hanya terlibat dalam pengajaran dan bacaan teks bersama guru. Murid yang berada di belakang kelas dan tepi tingkap kurang memberi tumpuan semasa mengajar dan tidak dapat menjawab soalan yang diberi oleh guru.

Penglibatan Murid Tahun 2




Rajah 2: Menujukkan Bilangan Penglibatan Murid Dalam Pembelajaran Tahun 2

Rajah 2 menunjukkan 16 orang murid yang terlibat dalam sesi soal jawab di dalam kelas daripada 28 orang murid. Manakala, 9 orang murid tidak sempat menjawab soalan daripada guru akibat kekangan masa dan 3 orang murid tidak melibatkan diri dengan membuat hal sendiri. Daripada pemerhatian yang dijalankan, kelas murid tahun 2 lebih aktif bersama guru yang lebih muda kerana mereka seronok melibatkan diri dalam aktiviti kelas seperti kuiz dan tampal sambungan jawapan di papan putih berdasarkan apa yang mereka belajar. Masa untuk kategori luar topik sederhana tinggi kerana murid bersuara dengan emosi, berbual bersama rakan semasa rakan lain sedang menjawab soalan di hadapan, bergurau senda, dan membuat perbincangan jawapan bersama.

International Journal of Education, Psychology and Counseling
IJEPC
EISSN : 0128-164X
Volume 11 Issue 64 (September 2026) PP. 1404-1423

Penglibatan Murid Tahun 3



Rajah 3 : Menujukkan Bilangan Penglibatan Murid Dalam Pembelajaran Tahun 3


Rajah 3 menunjukkan bahawa daripada 20 orang murid di dalam kelas, seramai 8 orang murid terlibat secara aktif dalam sesi soal jawab bersama guru. Selain itu, terdapat 4 orang murid yang tidak sempat menjawab soalan yang diajukan oleh guru disebabkan kekangan masa, manakala 8 orang murid lagi didapati tidak melibatkan diri secara langsung dalam sesi tersebut. Berdasarkan pemerhatian yang dijalankan, tahap penglibatan murid Tahun 3 dalam sesi soal jawab bersama guru boleh dikategorikan sebagai sederhana aktif.

Situasi ini dipercayai berlaku kerana guru lebih banyak menjalankan pengajaran berasaskan teks dalam tempoh yang panjang tanpa menyelitkan unsur isu semasa atau kisah menarik yang boleh menarik minat murid untuk melibatkan diri secara aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Walaupun guru telah menjalankan aktiviti seperti pecah belon dan kentang goreng, tahap penglibatan murid masih tidak begitu memberangsangkan. Selain itu, masa bagi kategori tingkah laku luar topik juga didapati berada pada tahap sederhana tinggi. Hal ini kerana sebahagian murid dilihat banyak berbual kosong dengan rakan-rakan mereka dan menunjukkan reaksi kurang berminat terhadap aktiviti yang dijalankan. Terdapat juga murid yang menyatakan perasaan bosan dengan mengeluarkan ayat seperti “saya bosanlah” apabila guru bertanya tentang keseronokan aktiviti tersebut.

International Journal of Education, Psychology and Counseling
IJEPC
EISSN : 0128-164X
Volume 11 Issue 64 (September 2026) PP. 1404-1423

Penglibatan Murid Tahun 4



Rajah 4 : Menujukkan Bilangan Penglibatan Murid Dalam Pembelajaran Tahun 4

Rajah 4 menunjukkan bahawa daripada 15 orang murid yang hadir di dalam kelas, kesemua murid terlibat secara aktif dalam sesi soal jawab bersama guru yang lebih muda. Berdasarkan pemerhatian yang dijalankan, tahap penglibatan murid Tahun 4 dalam sesi soal jawab bersama guru tersebut boleh dikategorikan sebagai aktif sepenuhnya. Guru mengajar tidak menumpukan sepenuhnya pada buku teks, malah guru tersebut menggunakan isu semasa atau kejadian harian yang berlaku dalam kehidupan murid sebagai contoh pembelajaran. Murid juga lebih berminat untuk berkongsi dan turut mengaitkan hal mereka dengan tajuk pembelajaran.

Hal ini demikian, murid kelihatan seronok dengan aktiviti permainan yang dijalankan oleh guru semasa pengajaran dan pembelajaran, iaitu permainan yang bertajuk “Sotong Comel”. Murid juga dilihat berebut-rebut untuk menampal kaki sotong mengikut kategori yang telah ditetapkan oleh guru, sekali gus menunjukkan tahap keterlibatan yang tinggi dalam aktiviti tersebut.

Walau bagaimanapun, suasana kelas didapati agak kurang terkawal disebabkan oleh keterujaan murid untuk melibatkan diri dan menjawab soalan yang diberikan oleh guru. Keadaan ini menunjukkan bahawa aktiviti berbentuk permainan mampu menarik minat murid, namun guru juga perlu memastikan pengurusan kelas yang baik agar proses pengajaran dan pembelajaran dapat berjalan dengan lebih teratur.

Daripada pemerhatian kedua-dua guru muda ini, mereka menggunakan intonasi yang berbeza-beza semasa mengajar, memberi arahan dan memberi soalan. Selain itu, contoh daripada pengajaran juga ada mengaitkan tentang isu semasa dan kehidupan harian yang berlaku dalam kehidupan mereka. Murid lebih peka dan seronok untuk melibatkan diri dalam sesi soal jawab

International Journal of Education, Psychology and Counseling
IJEPC
EISSN : 0128-164X
Volume 11 Issue 64 (September 2026) PP. 1404-1423
yang diberi kerana mereka mudah faham dengan apa yang disampaikan dan juga diberi peluang dalam membincangkan hal lain selain daripada topik pembelajaran mereka. Pada masa yang sama, guru A dan B ini juga lebih suka menarik minat muridnya dengan menggunakan lagu-lagu yang berkaitan dengan pembelajaran mereka seperti 'lagu nama nama haiwan di dalam bahasa arab', lagu berkaitan sirah atau mengaitkan pembelajaran mereka dengan isu semasa atau kehidupan harian supaya mereka lebih faham dan nampak contoh yang berkaitan dengan apa yang mereka belajar.

Berbeza dengan guru C dan D iaitu guru yang berpengalaman. Kebanyakan di antara mereka daripada kajian ini tetap ada pembelajaran dua hala atau aktiviti sampingan tetapi mereka lebih selesa menggunakan kaedah tradisional seperti lebih membaca dari buku teks atau guru menceritakan tentang apa yang mereka pelajari pada hari tersebut. Tetapi, tidak melibatkan pembelajaran tersebut dengan isu semasa atau kehidupan harian mereka menjadikan mereka kurang aktif dalam memberi pandangan selain menjawab soalan yang diberi berdasarkan jawapan di dalam buku teks semata-mata. Oleh hal demikian, dari kajian ini jelas menunjukkan suara guru itu memainkan peranan penting dalam penglibatan aktif murid semasa dalam bilik darjah dan bukan dalam sesi soal jawab semata-mata. Nada suara yang disampaikan oleh guru juga merujuk kepada kualiti dan emosi yang disampaikan melalui suara guru dari segi memberi soalan, arahan dan mengajar. Manakala, intonasi yang berkaitan dengan ketinggian atau kerendahan suara juga mencetuskan maklumbalas dan tumpuan dalam kalangan pelajar. Nada yang bertenaga dengan kawalan intonasi yang sesuai dapat menarik minat murid dan meningkatkan daya ingatan mereka. Manakala, penyampaian yang mendatar atau tidak menerima maklum balas murid dapat mengurangkan penglibatan murid walaupun kandungan pelajaran itu berkualiti (Zhang et al., 2023).

Kesimpulan

Secara keseluruhan, kajian ini dijalankan untuk supaya murid lebih bertindak aktif dalam pembelajaran mereka serta menunjukkan bahawa suara guru dan tindak balas murid berperanan penting sebagai keberkesanan pengajaran. Interaksi ini dapat membantu guru dalam menyesuaikan strategi pengajaran selaras dengan maklum balas murid, dalam masa yang sama murid turut mendapat pengalaman pembelajaran yang lebih inklusif dan berkesan. Hal ini kerana profesion perguruan sebagai pengajar sememangnya memerlukan penggunaan suara secara profesional dalam tempoh yang lama semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Bagi kajian akan datang, beberapa cadangan boleh dipertimbangkan dalam menganalisis suara guru dan murid. Antaranya, strategi yang perlu ada pada seorang guru tentang galakan suara murid dalam bilik darjah dari segi pembelajaran dan aktiviti berkaitan perkara yang di ajar. Selain itu, menganalisis kualiti suara murid dari aspek perkembangan mereka dalam pembelajaran, idea yang disumbangkan sama ada benar atau tidak yang mereka fahami dan kekerapan mereka dalam berinteraksi secara dua hala bersama guru tentang apa yang mereka tahu. Secara tidak langsung, melalui intonasi dan cara komunikasi yang sesuai dapat menggalakkan lagi murid untuk melibatkan diri dalam aktiviti pembelajaran kelas. Hal ini demikian kerana peluang yang diberikan kepada murid untuk menyuarakan pendapat atau mengemukakan soalan dapat membantu guru mengenal pasti tahap kefahaman serta keperluan pembelajaran murid dengan lebih jelas.

Penghargaan: Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia atas sokongan dan kemudahan yang diberikan sepanjang kajian ini dijalankan..

Penyataan Pembiayaan: Kajian ini tidak menerima sebarang pembiayaan.

Pernyataan Konflik Kepentingan: Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan berkaitan penerbitan kertas kerja ini. Semua penulis telah menyumbang kepada kajian ini dan telah meluluskan versi akhir manuskrip untuk penyerahan kepada International Journal of Education, Psychology and Counseling (IJEPC)

Pernyataan Etika: Kajian ini telah dijalankan selaras dengan piawaian etika penyelidikan. Semua prosedur yang melibatkan responden manusia telah disemak dan diluluskan oleh Jawatankuasa Etika UKM. Persetujuan bermaklumat telah diperoleh daripada semua responden sebelum pengumpulan data dijalankan. Penyertaan adalah secara sukarela, dan responden telah dijamin kerahsiaan serta anonimitas. Data yang dikumpulkan digunakan semata-mata bagi tujuan akademik.

Pernyataan Sumbangan Penulis: Semua penulis telah menyumbang secara signifikan terhadap pembangunan manuskrip ini. Nurqarmila Khairuna binti Mohd Khairusy bertanggungjawab terhadap pengkonsepan, metodologi dan penyeliaan keseluruhan kajian. Nurqarmila Khairuna binti Mohd Khairusy mengendalikan pengumpulan data, analisis serta tafsiran dapatan kajian. Dr. Muhammad Syawal bin Amran menyumbang kepada sorotan literatur, penyediaan draf, dan semakan kritikal manuskrip. Semua penulis telah membaca dan meluluskan versi akhir manuskrip sebelum penyerahan.

International Journal of Education, Psychology and Counseling
IJEPC
EISSN : 0128-164X
Volume 11 Issue 64 (September 2026) PP. 1404-1423

Rujukan

Ahmad Affiq Mohd Yusoff, Fatin Nur Farhana Ruslan, Mohd Siddiq Abdul Aziz, Nur Izzaty Zipri. (2023). Kesediaan guru Bahasa Melayu di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dalam melaksanakan kajian pengajaran. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu, JPBM, Vol. 13, Bil..

Chiew, C. M., Dali, M. H. & Lim, C. S. (2016). Issues relating to the implementation Lesson Study in the Malaysian education context. Journal of Research & Method in Education, 6(3), 77–85.

Conner J, Mitra DL, Holquist SE, Rosado E, Wilson C, Wright NL. (2024). The pedagogical foundations of student voice practices: The role of relationships, differentiation, and choice in supporting student voice practices in high school classrooms. Teach Teach Educ. 2024 May;142:104540.

Fanidawarti, H. & Abdul Hakim, A. (2022). Hubungan antara amalan Lesson Study dengan keberkesanan pengajaran guru. Global Journal of Educational Research and Management, 2(3), 342–353.

Georgakopouluos & Laura K. Guerro. (2010). Student Perceptions of Teachers' Nonverbal and Verbal Communication: A Comparison of Best and Worst Professors across Six Cultures. International Education Studies, Vol. 3, No. 2.

Gillett-Swan, J., & Baroutsis, A. (2024). Student voice and teacher voice in educational research: a systematic review of 25 years of literature from 1995–2020. Oxford Review of Education, 50(4), 533–551.

Iksan, Z. H., Nor, S. N. A., Nordiyana, S. & Zakaria, E. (2017). Applying the principle of Lesson Study in teaching science. Asian Social Science, 10(4), 108–115.

Jamaludin, N., & Shaffeei, K. (2023). Meneroka cabaran interaksi sosial guru perdana dalam pengajaran ke atas murid inklusif di aliran perdana. Jurnal Pendidikan Bitara UPSI, 16, 45–54.

Jia, M., Cheng, J.(2024) Effect of teacher social support on students' emotions and learning engagement: a U.S.-Chinese classroom investigation. Humanit Soc Sci Commun 11, 158.

Nor Azhan Norul'Azmi & Noor Shamshinar Zakaria. (2019). Isu pelaksanaan komunikasi bukan lisan melalui pengajaran atas talian dalam kalangan guru Bahasa Arab. 5th International Seminar on Islamiyyat Studies (IRSYAD 2019 || eISBN 978-967-2122-82-1).

Nor Shafrin Ahmad, Fadzilah Amzah dan Rahimi Che Aman. (2009). Kemahiran komunikasi guru pelatih Universiti Sains Malaysia, Jurnal Pendidik dan Pendidikan, Jil. 24, 125–142.

Raden Panji Hartono, Slamet Setiawan & Maria Mintowati.(2021) a study of teacher talk in a classroom interaction at a senior high school. Jurnal Education and development. Vol.9 No.1.

Ruiguo Cui & Peter Teo. (2023). Thinking through talk: Using dialogue to develop students' critical thinking. Teaching and Teacher Edition,Volume 125.

Siti Maziha Mustapha, Nik Suryani Nik Abd Rahman & Melor Md.Yunus. (2010). Factors influencing classroom participation: a case study of Malaysian undergraduate students, Procedia - Social and Behavioral Sciences,Volume 9.

Siti Mursyidah Mohd Zin, Nurzatil Ismah Aziza, Safinah Ismail & Fatin Nazmin Manso. (2021). Pendekatan komunikasi dalam pengajaran dan pembelajaran hafazan al-quran

antara dua institusi pra Tahfiz di Selangor. Jurnal Pengajian Islam, vol. 14, Special Edition, Halaman 74-89.

Subairi Onggoh, Han, C. G. K., & Mohammad Azri Amatan. (2024). Penambahbaikan Amalan Pengajaran dan Pembelajaran Guru Bahasa Melayu di Sekolah Rendah. Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 9(11), e003120.

Tong P and An IS .(2024). Review of studies applying Bronfenbrenner's bioecological theory in international and intercultural education research. Front. Psychol. 14:1233925. doi: 10.3389/fpsyg.2023.1233925.

Xie F and Derakhshan A. (2021). A conceptual review of positive teacher interpersonal communication behaviors in the instructional context. Front. Psychol. 12:708490. doi: 10.3389/fpsyg.2021.708490

Ying, J., Briffett-Aktaş, C. (2024). Including student voice in Chinese higher education classrooms: possibilities and challenges of practicing a student-led pedagogical method. Higher Education.

Zhang, L., et al. (2023). Teacher voice, pitch, and intonation: Effects on student engagement. International Journal of Educational Psychology, 12(4), 88–104. (dirujuk dalam teks mengenai peranan nada dan intonasi suara guru).